



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 3 petang ini menunjukkan enam (6) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, lima puluh tujuh (57) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **lima (5) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu di:**

- **Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU - 139)**
- **Banting, SELANGOR (IPU - 154)**
- **Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU - 162)**
- **Alor Gajah , MELAKA (IPU - 110)**
- **Johan Setia, SELANGOR (IPU - 154)**

Kemerosotan kualiti udara pada hari ini masih dipengaruhi oleh pergerakan asap jerebu memasuki rantau negara ini sepanjang tempoh 24 jam yang lalu. Tiada kebakaran berskala besar dalam negara yang dikesan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **19 Julai 2025**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 20, terdapat **65 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, 30 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan dan empat (4) titik panas (hotspot) dikesan di dalam negara iaitu masing-masing 2 di Pahang dan Selangor.**